

## 724 Peserta Jayakan AIDS Charity Run & Walk

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 14 Disember 2018 12:52 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 71

Tweet

Share



**KHAMIS, 13 DISEMBER** - Seramai 724 peserta menyertai 'AIDS Charity Run & Walk' anjuran Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena Hari AIDS Sedunia 2018 baru-baru ini.

Bermula dan tamat di Dataran Dewan Canselor UMS, larian yang melibatkan dua kategori iaitu 10 kilometer dan 5 kilometer dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Perubatan Desa Sabah (PERDESA), Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) dan Persatuan Pelajar Perubatan (MEDSTAS).

Majlis perasmiannya disempurnakan Pembantu Menteri Perdagangan dan Perindustrian Sabah merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Karambunai, Azhar Datuk Haji Matussin.

Dalam ucapannya beliau berkata, adalah menjadi hasrat dan komitmen semua pihak memastikan setiap warga Malaysia tanpa mengira kaum dan agama dapat menikmati tahap kehidupan yang sihat dan berkualiti.

“Marilah kita bersama-sama membendung jangkitan HIV/AIDS seterusnya mengakhiri epidemik tersebut menjelang akhir 2030.

“Berdasarkan kajian, hanya tiga dari empat orang yang mengidap HIV tahu akan status mereka telah dijangkiti penyakit itu membuatkan mereka tidak mengambil langkah pencegahan dan rawatan yang sepatutnya,” katanya.

Acara yang memerlukan peserta berlari atau berjalan di sekitar kampus UMS itu antara lain bertujuan untuk mengumpul sumbangan dana bagi pengubahsuaian Rumah Perlindungan HIV KK, selain sebagai satu usaha meningkatkan kesedaran orang ramai terutamanya pelajar institusi pengajian tinggi mengenai penyakit berkenaan.

Hadir sama, Dekan FPSK, Prof. Dr. Mohammad Saffree Jeffree; Ketua Jabatan Asas Komuniti FPSK, Datuk Dr. Mohd. Yusof Hj. Ibrahim; Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Datuk Ir. Haji Amrullah Kamal; Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit HIV/STI/Hepatitis C JKNS, Dr. Valentina@ Japulee Gantul; dan Pengarah Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu, Dr. Jiloris@ Julian Frederick Dony.

